NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#03

12 Jan 2024 – 18 Jan 2024



KUMPULAN PENYELIDIK
YAYASAN STRATEGIK LESTARI

DR. MUKHTAR MUSA • HANISAH • HAFIZUDDIN • IZZAT • SHAUQI JOHARA

ISI KANDUNGAN

Masih Ada Kajian Universiti Yang Bermanfaat 2

Kenaikan Harga Gula Setelah Sekian Lama 4

Afrika Selatan Mahu Heret AS dan UK ke ICJ 6

Kerajaan Tarik Cadangan Cukai CGT & FSI 8

Jualan Agro MADANI Ringankan Beban Rakyat 10

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.com

Masih Ada Kajian Universiti Yang Bermanfaat

- Dakwaan pada 28 Disember 2023 oleh Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Ahmad Ismail dan diulas semula oleh IRIS Institute yang mengatakan bahawa terdapat 9200 journal yang melangkaui 178 bidang **tersadai** di peringkat jurnal dan tidak digunakan untuk pembangunan negara masih boleh diragui.
- Ini kerana **tiada pembuktian** data dan kajian yang dibuat bagi menyokong kenyataan ini. Selain itu, ada beberapa hujahan yang dikemukakan oleh sesetengah pensyarah yang membantah kenyataan ini.
- Harus difahami bahawa kajian yang dilakukan oleh pensyarah universiti bukan hanya tertumpu kepada pembangunan produk dan teknologi semata-mata. **Pembangunan polisi** negara juga adalah bersumberkan kajian dan penulisan jurnal yang diambil oleh pembuat polisi. Sebagai contoh, kajian *behavioural factors* dalam sains sosial, adalah kajian yang membantu dalam dasar dan polisi yang digubal.
- Selain itu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam jawapan di Parlimen pada mesyuarat lalu memaklumkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) sebanyak 236 produk telah berjaya dikomersialkan dan sebanyak 1,020 paten telah diperoleh. Ini memberi pulangan pendapatan sebanyak **RM539 juta.**
- Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) pula, bagi tahun 2021 sebanyak 45 produk telah berjaya dikomersialkan dengan 303 paten baru dan menjana sebanyak kira-kira **RM120 juta.**
- Kerajaan juga turut menyokong usaha untuk mengkomersialkan produk penyelidikan di universiti, dengan menyediakan **dana pra-pengkomersialan** yang dinamakan Geran *Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration* (MyLAB) yang dibuka pada setiap tahun.

- Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif kerajaan telah dilakukan, harus diakui masih terdapat beberapa faktor yang perlu diperbaiki. Sistem **birokrasi** yang melambatkan proses pengkomersialan juga harus disemak semula. Pihak industri sangat mementingkan masa kerana di pihak industri, masa itu adalah emas. Jika pihak universiti meremehkan urusan dan melambatkan proses komersial, sudah pasti industri tidak akan lagi menunggunya.
- Mengkomersialkan dan berkongsi hasil penyelidikan universiti dengan masyarakat dan industri harus dipandang serius oleh kerajaan. Budaya ahli akademik dengan mahasiswa dalam dewan kuliah dan makmal harus diubah dan dikembangkan kepada masyarakat dan negara dengan segera.
- Gandingan antara kerajaan, industri dan ahli akademik diperlukan dalam mencari kaedah atau tindakan efektif untuk membudayakan **budaya penyelidikan** dan menikmati hasilnya demi kesejahteraan semua.
- Anjakan paradigma perlu diubah dan dikembangkan demi mencapai hasrat negara maju.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/lambakan-penyelidikan-universiti-tidak-dimanfaat/
- https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/hasil-penyelidikan-perlu-ada-impak-pada-negara-rakyat/

Kenaikan Harga Gula Setelah Sekian Lama

- Baru-baru ini, MSM Malaysia Holdings Bhd telah memohon **kenaikan harga siling** dengan kerajaan bagi gula kasar sebanyak RM1 daripada RM2.85 kepada RM3.85. Ini juga bakal melibatkan gula diproses yang mana harga siling semasa adalah RM2.95 sekilogram.
- Hal ini dilihat bakal memberi kesan perbelanjaan yang agak ketara kepada pengguna terutama industri kecil dan sederhana bagi sektor makanan dan minuman. Walau bagaimanapun, difahamkan sejak tahun 2011, tiada kenaikan harga gula **setelah 12 tahun** dan industri terpaksa bertahan akibat kenaikan harga gas, fret dan pergerakan tukaran wang asing.
- Setakat ini, harga siling bagi pengilang ialah RM2.69/sekilogram, RM2.77/sekilogram untuk pemborong dan RM2.85/kilogram untuk peruncit. Selain itu, negara bergantung **100 peratus** kepada import gula mentah untuk pasaran tempatan seperti dari Brazil. Akibatnya, negara turut terkesan dengan kenaikan harga gula global yang telah melebihi 150 peratus sejak tahun 2021.



- Disebabkan kerajaan meletakkan harga siling, rakyat masih dapat membeli gula dengan harga kawalan. Justeru, kerajaan perlu meneliti langkah penyelesaian yang holistik bagi memastikan harga gula yang munasabah dengan mendalam.
- Penggunaan industri adalah lebih besar berbanding dengan penggunaan gula bagi isi rumah di mana puratanya sekitar 2.6 kilogram sebulan, dengan penggunaan per kapita sebanyak 42 kilogram setiap tahun, termasuk penggunaan industri lain.
- Isi rumah adalah antara yang akan merasai **kesan langsung** berikutan kenaikan harga produk makanan dan minuman yang dijual. Namun, jika dilihat daripada sudut positif, ini juga boleh menjadi langkah mempromosi gaya hidup yang **lebih sihat** dengan penggunaan gula yang terkawal.
- Galakan gaya hidup sihat ini perlu menepati garis panduan yang ditetapkan melalui Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rakyat Malaysia (2023-2025) Kementerian Kesihatan (KKM). Antaranya, pengambilan gula bagi orang dewasa Malaysia yang sihat tidak boleh melebihi 50gm sehari, berdasarkan pengambilan kalori sebanyak 2,000 kcal.
- Daripada sudut pandang industri secara keseluruhannya, pertimbangan kerajaan perlu sesuai dengan kapasiti industri kecil dan sederhana, di mana mereka perlu kepada modal yang besar berbanding industri makanan dan minuman yang mempunyai kapasiti yang besar. Komersialisasi bahan gantian seperti madu perlu dilakukan bagi menghadapi cabaran harga yang semakin meningkat dan tidak menentu.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/05/843965/kenaikan-harga-gula-adalah-wajar
- https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1201234/malaysia-tidak-kekurangan-gula-hanya-pembekal-kurang-cekap

Afrika Selatan Mahu Heret AS dan UK ke ICJ

- Keganasan berterusan rejim Zionis terhadap rakyat Palestin khususnya di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, sejak 7 Oktober tahun lalu akhirnya dibawa ke muka pengadilan setelah Afrika Selatan berjaya mengheret negara haram Israel ke **Mahkamah Keadilan Antarabangsa** (ICJ) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Afrika Selatan memfailkan kes kepada ICJ pada 29 Disember lalu kerana rejim itu telah melakukan pembunuhan beramai-ramai di Gaza dengan niat yang khusus. Israel dituduh telah melanggar kewajipan **Konvensyen Genosid 1948** dan berisiko menyebabkan lebih ramai rakyat Palestin akan terbunuh. Justeru, permohonan kes itu menuntut agar penjajah Israel segera menggantung operasi ketenteraannya di Gaza.
- Sejarah terlakar, apabila ICJ memulakan prosiding kes itu pada 11 Januari lepas di The Hague, Belanda. Peguam Afrika Selatan telah mengemukakan **bukti** menyokong bahawa Israel dengan sengaja menyebabkan kematian rakyat Gaza. Ia menerusi kenyataan dikeluarkan Menteri Pertahanan negara haram itu, Yoav Gallant bahawa Zionis akan melakukan pengepungan ke atas wilayah itu, untuk memerangi 'binatang manusia'.
- Pada prosiding hari kedua, Israel tampil bela diri terhadap pertuduhan genosid terbabit. Peguamnya berhujah Israel tidak pernah mempunyai niat untuk melakukan jenayah perang genosid mahupun memulakan peperangan ini. Bukan itu sahaja, negara haram angkuh menuduh kematian rakyat Palestin dan konflik lebih seratus hari ini sebenarnya berpunca dari serangan Hamas pada 7 Oktober 2023. Justeru, Israel meminta ICJ menolak pertuduhan dikemukan Afrika Selatan kerana akhirnya ia tidak akan dapat dibuktikan.
- Usaha menuntut keadilan rakyat Palestin tidak hanya ternoktah di sini. Kini hampir 50 peguam Afrika Selatan diketuai Menteri Kehakiman, Wikus Van Rensburg sedang mempersiap untuk memfailkan kes kedua terhadap Amerika

Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) sebagai **rakan subahat** terbesar ke atas jenayah perang genosid. Jelas Rensburg, kes kedua ini akan dijalankan berdasarkan keputusan ICJ terhadap kes pertama yang akan diputuskan akhir bulan ini. Sekiranya memihak kepada Afrika Selatan, ia sekali gus dapat mengukuhkan kes kedua yang akan difailkan ke atas kedua-dua negara barat berkenaan.

- Terdahulu, sebanyak 57 negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) termasuk Arab Saudi, Iran, Pakistan dan Malaysia telah menyuarakan **sokongan** terhadap usaha Afrika Selatan ini. Menerusi kenyataan Kementerian Luar memaklumkan, Malaysia menyambut baik perbicaraan terbuka kes yang dibawa Afrika Selatan terhadap Israel selain mengulangi komitmen untuk memperjuang nasib rakyat Palestin di semua saluran serta menantikan keputusan perbicaraan ICJ ini.
- Tuntasnya, dunia terhutang budi dengan Afrika Selatan dalam menuntut keadilan untuk rakyat Palestin yang ditindas berdekad lamanya. Selaku sebuah negara yang mempunyai **sejarah panjang** perjuangan menentang apartheid, dasar pengasingan kaum dan diskriminasi, Afrika Selatan sememangnya sangat mendalami dan memahami derita ditanggung rakyat Palestin di bawah penjajahan negara-negara barat khususnya, Israel dan sekutunya.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2024/01/1198013/afrika-selatan-heret-israel-ke-icj
- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/malaysia-terus-sokong-afrika-selatan-heret-israel-ke-icj/
- https://malaysiagazette.com/2024/01/15/peguam-afrika-selatan-mahu-dakwa-as-uk-terlibat-perang-di-palestin/

Kerajaan Tarik Cadangan Cukai CGT & FSI

- Kerajaan menarik balik kenyataannya sebelum ini dan **bersetuju untuk mengecualikan** cukai keuntungan modal (CGT) dan cukai ke atas pendapatan luar negara (FSI) untuk unit amanah.
- Perkara itu disahkan Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam majlis perasmian pelancaran aplikasi baharu Bursa Malaysia untuk emas sebagai aset pelaburan – Bursa Gold Dinar (BGD) dan portal pelanggan baharu MyBURSA.



- Sebelum ini menerusi **Belanjawan 2024**, Perdana Menteri mengumumkan akan mengenakan CGT sebanyak 10% kepada keuntungan bersih hasil saham bukan tersenarai syarikat tempatan.
- Pengenalan CGT ini kononnya bertujuan menyelaraskan Malaysia dengan **norma percukaian antarabangsa** seperti Thailand (20%), Indonesia (22%), Vietnam (20%), Kemboja (20%), dan Myanmar (10%). Di Asia, hanya Malaysia, Singapura dan Hong Kong tidak mengenakan cukai keuntungan modal.
- Pengecualian ke atas CGT akan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2028 manakala pengecualian FSI ini akan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2026.

- Berdasarkan rekod, lebih 90 peratus daripada pemegang unit amanah adalah **individu**. Pengenalan CGT ke atas individu dijangka akan menyebabkan ketidaktentuan (*volatile*) dalam unit amanah saham.
- Jika cukai CGT ke atas jual beli saham ini diperkenalkan di Malaysia, kecenderungan pelabur asing dan domestik untuk membeli saham di Malaysia akan menurun. Pelabur akan cenderung memilih **bursa saham yang lain** untuk melabur karena tidak dikenakan cukai CGT.


RUJUKAN

- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/12/will-we-see-launch-of-capital-gains-tax-in-budget-2024-and-what-happened-to-luxury-goods-and-online-sales-taxes/95803
- https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-setuju-beri-pengecualian-cgt-dan-fsi-unit-amanah-2#:~:text=Menerusi%20Belanjawan%202024%2C%20kerajaan%20mengumumkan,saham%20bukan%20tersenarai%20syarikat%20tempatan

Jualan Agro MADANI Ringankan Beban Rakyat

- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM57.5 juta bagi program **Jualan Agro MADANI 2024** yang bakal diadakan di 5,000 lokasi di seluruh negara sepanjang tahun ini.
- Inisiatif Jualan Agro MADANI yang **dijenamakan semula** daripada Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dilaksanakan bagi mencapai objektif berikut:
    - Meningkatkan "accessibility" dan "availability" bagi memudahkan bekalan produk segar pada kadar harga yang berpatutan (affordability);
    - Sebagai salah satu program "Quick Win" (*low cost high impact*) berteraskan penjimatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat;
    - Mengurangkan lapisan perantara pasaran dari sumber pengeluaran kepada pengguna melalui penglibatan Peserta Projek Bimbingan Agensi melalui program jualan;
    - Memberi ruang pasaran tambahan dan meningkatkan pendapatan Peserta Program Ladang Kontrak dan Usahawan dengan konsep jualan secara terus kepada pengguna.
- Lokasi program diadakan di kompleks kerajaan/agensi, outlet peruncitan agensi KPKM, sekitar kawasan perumahan, projek perumahan rakyat (PPR), kawasan miskin bandar dan pinggir bandar.
- Untuk rekod Jualan Agro MADANI bagi tahun 2023, sebanyak 5,608 program dilaksanakan **melebihi sasaran** 5,000. Nilai jualan berjumlah RM93.74 juta dengan penjimatan kepada pembeli sebanyak RM27.8 juta.
- Seramai lebih 74 ribu usahawan terlibat dan memanfaatkan 11.6 juta isi rumah. Selain FAMA, agensi yang turut terlibat termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

- Tiga negeri dengan nilai **jualan tertinggi** ialah Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Kelantan pula mencatat kuantiti jualan keseluruhan (kg) **paling rendah**, lebih rendah daripada Perlis.
- Meskipun bilangan lokasi dan usahawan Kelantan yang berdaftar dalam program ini lebih banyak berbanding Perlis, kemungkinan rakyat Kelantan tidak berkunjung ke program tersebut atau kekerapan program yang rendah seterusnya memberi kesan kepada rekod jualan.



- Secara keseluruhan, program sebegini cukup baik untuk diteruskan kerana memberi manfaat kepada pengguna dan usahawan pertanian. Rakyat dan petani perlu diberikan peluang untuk mendapatkan akses kepada pasaran terbuka untuk meningkatkan persaingan sihat selain menghentikan intervensi orang tengah.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan seterusnya perlu menumpukan usaha untuk **meningkatkan pengeluaran pertanian** dengan menampan impak perubahan iklim dan meminimumkan kebergantungan hasil import.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2262139
- https://www.kpkm.gov.my/jualanagromadani



NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Ringkasan Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my

© Hak Cipta Terpelihara